

Sistem Jawab Balas *(Bersambung)*

Operasi

Tekan butang jawab balas pada Honda SMART Key.

- ▶ Sistem jawab balas tidak akan berfungsi apabila suis penghidup berada pada posisi **I** (On).

Jika suis penghidup dibiarkan dalam posisi **O** (Off) atau **I** (Lock) lebih daripada 10 hari, sistem jawab balas tidak akan beroperasi lagi. Semasa sistem diaktifkan, apabila skuter menerima isyarat dengan menekan butang jawab balas atau butang penggera, sistem pengaktifan akan dilanjutkan selama 10 hari.

Untuk tetapan semula sistem tersebut, buka suis penghidup dan putarkan suis penghidup ke posisi **I** (On) sekali.

- ▶ Untuk membuka kunci suis penghidup ➔ **MS. 37**

NOTIS


Apabila bateri 12 V skuter lemah, sistem jawab balas mungkin tidak berfungsi.

Melaraskan Tahap Kelantangan Bunyi Buzzer Jawab Balas


Anda boleh memilih 3 tahap kelantangan bunyi buzzer.

- 1 Pastikan sistem Honda SMART Key telah diaktifkan. ➔ **MS. 33**
- 2 Tanggalkan penutup bateri 12 V. ➔ **MS. 84**
- 3 Tekan suis penghidup untuk mengesahkan sistem Honda SMART Key. ➔ **MS. 37**
- 4 Sambungkan koplér mod EM yang disediakan dalam kit peralatan kepada penyambung mod EM. ➔ **MS. 120**
 - ▶ Penunjuk Honda SMART Key dan cincin suis penghidup terpadam.

Butang Jawab Balas



Suis penghidup



Cincin suis penghidup